

PM tinjau masalah hakisan pantai Nenasi

Oleh Abdul Razak Raaff; Nik Sukry Ramli dan Amin Ridzuan Ishak

bhnews@bharian.com.my



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak meninjau kawasan pesisir Pantai Nenasi dalam lawatan kerja Perdana Menteri di kawasan itu. - Foto NSTP/Luqman Hakim Zubir

PEKAN: Masalah hakisan pantai di Nenasi, dekat sini mendapat perhatian Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak yang turun padang untuk melihat sendiri permasalahan berkenaan di sini, hari ini. Najib yang juga Ahli Parlimen Pekan diberi taklimat oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pahang, Datuk Ir Shahrudin Ibrahim mengenai langkah bakal diambil untuk mengatasi masalah itu. Shahrudin berkata, Perdana Menteri meminta supaya projek menahan hakisan pantai iaitu pemasangan penghalang hakisan (siri groyne) dilaksanakan segera walaupun peruntukan RM5 juta diluluskan menerusi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK11) tidak mencukupi bagi melaksanakan keseluruhan kawasan terjejas sepanjang dua kilometer (km).



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak melakukan lawatan ke jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Nenasi, Pekan, hari ini. - Foto NSTP/Farizul Faiz Awang

"Kita akan buat untuk 600 meter yang mempunyai penduduk, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Kee Hwa serta GiatMARA, projek akan bermula Ogos tahun hadapan dan dijangka siap dalam tempoh 10 bulan. "Perdana Menteri minta kita laksanakan dahulu projek sudah mempunyai peruntukan, beliau menyatakan akan mempertimbangkan peruntukan pada masa hadapan," katanya ketika ditemui selepas lawatan Najib itu. Mengulas lanjut, Shahrudin berkata, sejumlah RM25 juta diperlukan bagi melaksanakan keseluruhan projek menahan hakisan pantai di Nenasi. "Ia perlu dilakukan kerana ia terletak di kawasan mempunyai aktiviti ekonomi dan pendidikan, ada kalanya air laut melimpah. "Kita akan cuba mengatasinya dengan melakukan kajian yang perlu dilakukan bagi melancarkan projek menahan hakisan pada masa depan," katanya. Terdahulu, Najib mengadakan tinjauan di Kompleks dan Jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM).



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak meninjau kawasan pesisir Pantai Nenasi dalam lawatan kerja Perdana Menteri di kawasan itu. - Foto NSTP/Luqman Hakim Zubir

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/224630>